

AKADEMI SUKAN
SPORTS ACADEMY

Rujukan : اكاڊمي سوكن UPM.AS.700-5/8/2 (SMKSS)
Tarikh : 10 Disember 2025

Pengetua / Guru Besar / Presiden / Setiausaha
Sekolah / Persatuan Memanah Negeri / Kelab Memanah / Akademi Memanah

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan

JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI KEJOHANAN MEMANAH TERBUKA U12 & U16
UPM – KELAB MEMANAH SMKSS 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Akademi Sukan UPM dengan kerjasama Kelab Memanah SMKSS dan Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM akan menganjurkan Kejohanan Memanah Terbuka U12 & U16 UPM – Kelab Memanah SMKSS 2026 seperti ditetapkan berikut:

Tarikh	:	17 – 18 Januari 2026
Masa	:	7.00 pagi – 7.00 petang
Tempat	:	Lapang Sasar Memanah UPM, Serdang, Selangor


3. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin menjemput pemanah-pemanah dari sekolah/persatuan/kelab/akademi YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk mengambil bahagian dalam kejohanan yang bakal dianjurkan ini. Maklumat lengkap berkaitan kejohanan seperti dilampirkan.

4. Segala perhatian, kerjasama dan sokongan dari YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berkenaan perkara ini pihak kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERILMU BERBAKTI”

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DR. MOHAMMAD HAMIRUCE BIN MARHABAN
Pengarah
Akademi Sukan
Universiti Putra Malaysia

s.k > Fail Unit

TARIKH-TARIKH PENTING

Tarikh mula pendaftaran MAREOS	: 10 DISEMBER 2025
Tarikh akhir pendaftaran MAREOS	: 14 JANUARI 2026
Tarikh akhir bayaran	: 14 JANUARI 2026
Tempoh Pendaftaran lewat	: 15 JANUARI 2026
Mesyuarat Pengurus Pasukan	: 15 JANUARI 2026
Tarikh kejohanan	: 17 – 18 JANUARI 2026

TENTATIF PROGRAM (TIDAK RASMI)

Tempat pertandingan : Lapang Sasar Memanah UPM, Serdang, Selangor.

17/01/2026 (SABTU)	0730	Pendaftaran U12
	0800	Pusingan kelayakan U12 (25m X 2)
	1145	Pusingan kalah-singkir individu U12
	1630	Pusingan kalah-singkir berpasukan U12
18/01/2026 (AHAD)	0730	Pendaftaran U16
	0800	Pusingan kelayakan U16 (40m X 2)
	1145	Pusingan kalah-singkir individu U16
	1630	Pusingan kalah-singkir berpasukan U16

PENDAFTARAN

Semua pendaftaran peserta (pengurus, jurulatih dan atlet) hendaklah didaftarkan melalui Malaysia Archery Results & Entry Online System (MAREOS). Tiada pendaftaran secara manual yang diterima.

Hubungi pihak NAAM (events@masarchery.org) jika ada sebarang pertanyaan ataupun memerlukan bantuan mengenai MAREOS. Untuk pertanyaan selain daripada MAREOS sila hubungi pihak penganjur.

ACARA

RECURVE UNDER 12

- 9 hingga 12 tahun
- Pusingan kelayakan: 25 meter X 2 pusingan
- Pusingan kalah-singkir individu: 1/16 hingga akhir
- Pusingan kalah-singkir berpasukan: 1/8 hingga akhir
- Target face: 80cm full rings

RECURVE UNDER 16

- 13 hingga 16 tahun
- Pusingan kelayakan: 40 meter X 2 pusingan
- Pusingan kalah-singkir individu: 1/16 hingga akhir
- Pusingan kalah-singkir berpasukan: 1/8 hingga akhir
- Target face: 80cm 6 rings

PENYERTAAN

Penyertaan bagi kejohanan ini adalah terbuka bagi setiap peringkat umur. Pendaftaran yang telah dibuat tetapi tidak membuat sebarang pembayaran selepas tarikh tutup akan di keluarkan daripada sistem pendaftaran. Bagi yang mendaftar selepas tarikh tutup, yuran yang dikenakan adalah termasuk kadar denda.

PERATURAN

Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang World Archery dan Kejohanan Memanah Terbuka U12 & U16 UPM-SMKSS Archery Club 2026.

Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka undang-undang World Archery yang terkini akan dipatuhi.

Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:

Sebarang kejadian akan diputus berasaskan kepada Peraturan Kejohanan Memanah Terbuka U12 & U16 UPM-SMKSS Archery Club 2026.

Sebarang perselisihan teknikal akan diputus berasaskan kepada Undang-undang World Archery dan Kejohanan Memanah Terbuka U12 & U16 UPM-SMKSS Archery Club 2026.

Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankausa Teknikal dan Pertandingan Kejohanan adalah muktamad.

Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **RM300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja)**.

Wang pertaruhan **tidak akan dikembalikan** walau apa juga keputusan bantahan yang telah dimuktamadkan.

Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada **Pengurus Pertandingan** dalam masa **15 minit** selepas keputusan diumumkan.

Jarak yang akan dipertandingan serta target face yang akan digunakan:

Bawah 12 tahun	: 25 meter, 80cm full rings
Bawah 16 tahun	: 40 meter, 80cm 6 rings

YURAN

Yuran penyertaan adalah seperti berikut

Pemanah : **RM100.00/orang**
Pegawai (Pengurus/ Jurulatih) : **RM10.00/orang**

Kadar denda/ penalti pendaftaran lewat/ pertukaran adalah sebanyak **RM50.00/orang**.

Sila jelaskan yuran mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

HADIAH

Hadiah akan disediakan adalah berdasarkan ke empat-empat kategori yang dipertandingkan iaitu; (1) **Recurve Lelaki Bawah 12 Tahun (RU12B)**, (2) **Recurve Perempuan Bawah 12 Tahun (RU12G)**, (3) **Recurve Lelaki Bawah 16 Tahun (RU16M)** dan (4) **Recurve Wanita Bawah 16 Tahun (RU16W)**.

Setiap kategori akan disediakan hadiah seperti berikut:

Medal	-	<u>Pusingan kelayakan (QR)</u> RU12B & RU12G: Johan hingga tempat ke-10 RU16M & RU16W: Johan hingga tempat ke-5 <u>Pusingan kalah-singkir individu (ER Ind)</u> Semua kategori: Johan hingga tempat ke-3 <u>Pusingan kalah-singkir berpasukan (ER Team)</u> Semua kategori: Johan hingga tempat ke-3
Wang Tunai	-	<u>Pusingan kalah-singkir individu (ER Ind) bagi semua kategori</u> Johan (RM150.00) Naib Johan (RM100.00) Ke-3 (RM50.00)

GANTI RUGI

Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia dan Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa kejohanan ini berlangsung termasuklah perjalanan dari tempat penginapan ke venue pertandingan.

HAK PENGANJUR

Pihak penganjur berhak menentukan sebarang keputusan serta sebarang perubahan yang difikirkan perlu tanpa perlu untuk merujuk dan berbincang mana-mana pihak. Segala keputusan yang telah dibuat adalah muktamad.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Nama : Azamil
No Telefon : 019-3742005

Nama : Farid
No Telefon : 012-9546606

MAKLUMAT TAMBAHAN

Link *Whatsapp Group* untuk pengurus pasukan :

<https://chat.whatsapp.com/G5uKMZTsazRAEjHXWMyoWP>

atau scan QR berikut:

